

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

[17 Februari 1990]

AKP 301 Perakaunan Kewangan III

Masa : [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. (a) Jelaskan cara-cara bagaimana sesebuah syarikat boleh menukarkan struktur modalnya. Nyatakan juga kesannya ke atas struktur modal serta tujuan setiap cara yang telah dijelaskan.

[5 markah]

- (b) (i) Anda telah terdengar salah seorang daripada rakan anda menyatakan, "Persamaan di antara kedua-dua Syarikat Sdn. Bhd. dan Syarikat Awam Bhd. ialah hayat kedua-dua syarikat ini akan tamat apabila salah seorang daripada ahli-ahlinya meninggal dunia dan perbezaannya pula ialah tanggungan ahli Syarikat Sdn. Bhd. adalah terhad tetapi tanggungan ahli Syarikat Awam Bhd. adalah tidak terhad". Adakah anda bersetuju dengan kenyataan yang dibuatnya? Bincangkan.

- (ii) Adakah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat dikehendaki atau dimestikan mempunyai perkataan "Bhd" pada namanya? Jelaskan.

[7.5 markah]

...2/-

- (c) (i) Bincangkan bagaimana jumlah harga belian atau 'purchase consideration' ditentukan dan cara-cara bagaimana hendak mengendalikan perbezaan di antara harga belian dan nilai aset bersih yang dibeli.
- (ii) Apakah fungsi Jawatankuasa Penerbitan Saham atau "Capital Issues Committee"? Bagaimanakah Jawatankuasa ini menolong menentukan harga belian?

[7 markah]

- (d) (i) Apakah kebaikan dan keburukkan akaun gabungan?
- (ii) Tunjukkan catatan penghapusan bagi perkara-perkara berikut bagi tujuan penyediaan akaun gabungan. Jangkamasa perakaunan berakhir pada 30 Jun, 19X8.
1. Pada 1 Januari, 19X8, H Bhd. menjual sebuah jentera kepada S Bhd. dengan harga \$1,000 sebelum dijualkan, jentera itu telah dicatatkan di dalam buku H dengan harga \$1,500. H Bhd. menyusutnilaikan jentera pada kadar 5% setahun dengan menggunakan kaedah 'baki berkurangan', sementara S menggunakan kaedah 'garis lurus' di sepanjang 10 tahun.
 2. Aset tetap dengan nilai buku sebanyak \$1,000 telah dijual oleh H Bhd. kepada S Bhd. dengan harga \$800 pada 1 Januari, 19X8. S Bhd. hendak menggunakan butiran ini sebagai inventori kerana ia adalah penjual barang-barang lama. Kedua-dua syarikat menggunakan susutnilai pada kadar 10% setahun dengan menggunakan kaedah 'baki berkurangan'. Inventori itu masih berada ditangan pada 30 Jun, 19X8 (S Bhd.).

...3/-

AKP 301

3. H Bhd. telah membeli kesemua saham S Bhd. Pada 1 Januari, 19X8, dividen interim sebanyak \$5,000 telah diistiharkan dan dibayar oleh S Bhd. di mana setengah daripada jumlah ini telah dibayar daripada keuntungan sebelum perolehan. Pada tarikh perolehan, akaun untung rugi perasingan S Bhd. adalah \$15,000 dan harga belian ialah \$80,000. Tiada muhibbah atau premium atas gabungan wujud pada tarikh perolehan itu.

[9.5 markah]

(e) Apakah:

- (i) yang dimaksudkan dengan keuntungan yang boleh diagihkan secara ringkas. Tunjukkan persamaan bagi mendapatkan jawapan ini.
- (ii) faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum mengeluarkan dividen oleh syarikat pelaburan dan awam.
- (iii) faktor-faktor atau ciri-ciri yang mesti dimiliki oleh sesebuah syarikat jika ingin mengelakkan dirinya daripada diambil alih.
- (iv) yang dimaksudkan dengan rangkaian kata "1 untuk 3 saham bonus".
- (v) makna pembelian pengungkitan atau 'leveraged buyout' dan makna pembelian pengurusan atau 'management buyout'.

[9 markah]

2. Pada 1 Julai, 1978, Syarikat United Cement Bhd. menerbitkan stok debentur 8% dengan harga 95, ditebus pada 1988 dengan harga 105. Akaun Dana Terikat (Sinking Fund) disediakan dan dari bulan Jun, 1979, \$100,000 dilabur tiap-tiap tahun, bersama-sama dengan laburan bunga yang diterima dan wang tunai yang diterima dari jualan pelaburan dan bayaran balik debentur-debentur. Syarikat ini mempunyai kuasa untuk membeli debenturnya sendiri sebagai pembatalan di dalam pasaran terbuka.

...4/-

Bunga dari pelaburan Dana Terikat diterima seperti berikut:

Jun, 1980	-	\$ 9,600
Jun, 1981	-	\$21,200
Jun, 1982	-	\$36,800

Dalam bulan Jun, 1981 stok debentur sebanyak \$20,000 telah dibeli sebagai pembatalan dengan harga 97 dan sebahagian daripada pelaburan dana terikat yang mempunyai kos sebanyak \$20,000, telah dijual dengan harga \$20,480 dan wang telahpun diterima. Dalam bulan Jun, 1982, Syarikat ini membeli untuk pembatalan \$60,000 stok debentur dengan harga 98 dan menjual pelaburan dana terikat yang mempunyai kos sebanyak \$60,000 dengan harga \$61,400.

Anda dikehendaki membuat akaun-akaun lejar bagi debentur 8%, dana terikat, pelaburan dana terikat dan penebusan debentur, serta membawa ke bawah baki-baki pada akhiran bulan Jun pada tiap-tiap tahun.

[12 markah]

Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

1. Pada 30 Jun, 1989, Imbangan Duga Mawar Bhd. mengandungi maklumat berikut:

Aset semasa	\$ 30,000	
Aset tetap (bersih)	\$ 82,000	
Muhibbah	\$ 32,000	
Modal belum panggil -		
saham terutama	\$ 40,000	
saham biasa	\$110,000	
Modal belum diterbitkan -		
saham terutama	\$ 20,000	
saham biasa	\$180,000	
Akaun untung rugi perasingan	\$ 90,000	
Pemiutang		\$ 34,000
10% nota tanpa cagaran		\$ 50,000
Modal dibenarkan -		
\$1 saham terutama		\$100,000
\$2 saham biasa		\$400,000
	-----	-----
	\$584,000	\$584,000
	=====	=====

...5/-

AKP 301

Syarikat menjalani penstrukturan berikut bagi memperbaiki kedudukan kewangannya.

- (a) Panggilan sebanyak 50 sen setiap saham telah dibuat ke atas saham terutama yang telah diterbitkan. Sebaik sahaja menerima wang panggilan, saham terutama telah diturunkan kepada nilai nominal 50 sen sesaham dibayar 40 sen sesaham.
- (b) Kesemua saham terutama yang belum diterbitkan telah dibatalkan.
- (c) Saham biasa yang telah diterbitkan telah dikurangkan nilainya kepada saham \$1 dibayar 40 sen sesaham. Saham biasa yang belum diterbitkan telah ditukarkan menjadi 90,000 saham yang bernilai \$1 tiap-tiap satu.
- (d) Pemegang saham biasa telah diberikan pilihan-pilihan seperti berikut:
 - (i) membeli satu \$1 saham biasa yang dibayar penuh semasa permohonan bagi setiap 2 saham yang dipegang.
 - (ii) memohon untuk satu \$50, 10% debentur bagi setiap 100 saham yang dipegang. Cara bayarannya ialah \$25 setiap satu semasa permohonan dan bakinya hendaklah diberikan di dalam masa 2 bulan. Pemegang 60,000 saham telah bersetuju dengan pilihan pertama sementara pemegang 50,000 saham yang lain telah bersetuju dengan pilihan kedua. Kesemua wang diterima apabila sampai masanya.
 - (iii) dana yang diwujudkan hasil daripada skim ini telah digunakan terlebih dahulu untuk menghapuskan kerugian terkumpul, dan kemudian bakinya telah digunakan untuk mengurangkan muhibbah.

Dikehendaki:

- (a) Menyediakan catatan jurnal bagi mencatatkan urusanniaga-urusanniaga yang telah berlaku.
- (b) Menyediakan kunci kira-kira selepas skim ini tamat.

[25 markah]

...6/-

2. Berikut adalah baki yang ditunjukkan di dalam buku Anggerik Bhd. dan Merah Bhd. pada 31 Mac, 19X2:

	Anggerik Bhd.	Merah Bhd.
	----- \$	----- \$
Kredit		

Modal yang dibenarkan dan diterbitkan, dibayar penuh:		
Saham biasa yang bernilai \$1 tiap satu	300,000	100,000
7% saham terutama tidak terkumpul yang bernilai \$1 setiap satu	-	80,000
Rezab am	50,000	40,000
Akaun untung rugi perasingan ..	98,500	44,400
Peruntukan susutnilai bagi aset tetap	60,000	30,000
6% debentur	-	20,000
Dividen dicadangkan:		
Saham biasa	30,000	10,000
Saham terutama	-	5,600
Bunga debentur terakru	-	1,200
Pemiutang	87,000	32,200
	-----	-----
	625,500	363,400
	=====	=====
Debit:		
Aset tetap pada kos	250,000	220,000
75,000 saham biasa di dalam Merah Bhd. pada kos	165,000	-
60,000 saham terutama di dalam Merah Bhd. pada kos	60,000	-
5,000, 6% debentur di dalam Merah Bhd.	5,000	-
Aset semasa	145,500	143,400
	-----	-----
	625,500	363,400
	=====	=====

...7/-

Anda telah menentukan yang berikut:

- (a) Anggerik Bhd. membeli saham Merah Bhd. berserta dengan dividennya sekali pada 31 Mac, 19X1.
- (b) Pada 31 Mac, 19X4, baki rezab am Merah Bhd. adalah sama seperti pada 31 Mac, 19X2.
- (c) Baki akaun untung rugi perasingan Merah Bhd. adalah seperti berikut:

Baki pada 31 Mac, 19X1	\$28,000
Untung bersih, bagi tahun berakhir pada 31 Mac, 19X2	\$32,000

	\$60,000
 Tolak: dividen yang dicadangkan ...	 \$15,600

	\$44,400
	=====

- (d) Di dalam stok perniagaan Merah Bhd. pada 31 Mac, 19X2, termasuk barangan yang mempunyai nilai kos sebanyak \$16,000 yang dibeli daripada Anggerik Bhd. Barang-barang ini telah dijual oleh Anggerik Bhd. kepada Merah Bhd. pada harga yang boleh memberikan Anggerik Bhd. keuntungan sebanyak 20% daripada kos.
- (e) Baki di akaun untung dan rugi Merah Bhd. pada 31 Mac, 19X1 ialah baki selepas ditolak dividen terutama sebanyak \$5,600 dan dividen biasa sebanyak \$5,000 di mana kedua-duanya telah dibayar tetapi telah tersalah kredit ke akaun untung dan rugi di dalam buku Anggerik Bhd.
- (f) Tiada catatan dibuat di dalam buku Anggerik Bhd. berhubung dengan bunga debentur terakru daripada Merah Bhd. atau dividen yang dicadangkan oleh Merah Bhd. bagi tahun berakhir pada 31 Mac, 19X2.

AKP 301

- (g) Pada 31 Mac, 19X2, modal saham biasa yang dibenarkan dan diterbitkan oleh Merah Bhd. telah ditambahkan sebanyak \$20,000 dengan memodalkan sebahagian daripada rezab am dan menerbitkan 20,000, \$1 saham kepada pemegang saham yang sedia ada mengikut pembahagian nisbah pemegangan saham yang sedia ada. Urusniaga ini belum lagi dicatatkan di dalam buku Merah Bhd. atau Anggerik Bhd.

Anda dikehendaki untuk menyediakan kunci kira-kira gabungan Anggerik Bhd. dan anak syarikatnya Merah Bhd. pada 31 Mac, 19X2. Segala catatan penghapusan yang diperlukan bagi penyediaan kunci kira-kira itu hendaklah ditunjukkan.

[25 markah]

3. Pada 31 Mac, 1986, 2 buah syarikat Duku Bhd. dan Langsung Bhd. telah membuat keputusan untuk menggabungkan syarikat mereka dan menubuhkan satu syarikat baru yang dipanggil Duku Langsung Bhd. Pada tarikh penggabungan, kunci kira-kira adalah seperti berikut:

<u>Duku Bhd.</u>			
<u>Kunci kira-kira pada 31 Mac, 1986</u>			
<u>Modal dibenarkan</u>	\$	<u>Aset</u>	\$
100,000 saham biasa yang bernilai \$1 setiap satu	100,000	Prabayar	976
		Tanah dan bangunan (kos)	42,000
		Tolak: gadai (Tarikh matang 31/12/91)	<u>16,000</u>
<u>Modal diterbitkan</u>		Kenderaan (kos tolak susutnilai)	2,002
40,000 saham biasa yang bernilai \$1 setiap satu dibayar penuh	40,000	Loji (Kos)	18,430
Akaun untung rugi perasingan pada 31/3/86	4,200	Inventori (kos)	15,944
Pinjaman kepada pemegang Saham (tarikh matang 31/3/X7)	4,000	Pelaburan	10,148
Bank oberdraf	10,846	Tunai di tangan	36
Pemiutang	10,630		
Bil belum bayar	3,860		
	<u>73,536</u>		<u>73,536</u>
	=====		=====

...9/-

Langsat Bhd.
Kunci kira-kira pada 31 Mac, 1986

<u>Modal dibenarkan dan</u> <u>diterbitkan</u>	\$	<u>Aset</u>	\$
90,000 saham biasa yang bernilai \$1 setiap satu dibayar penuh	90,000	Muhibbah	18,230
Rezab am	50,000	Hak paten	20,000
Akaun untung rugi perasingan pada 31/3/86	1,530	Loji (pada kos)	28,422
Bank overdraf	6,492	Perabot dan peralatan (pada kos tolak susutnilai)	2,946
Pemlutang	21,800	Inventori (pada kos)	64,928
		Bil belum terima	3,840
		Penghutang	30,800
		Tunai di tangan	656
	----- 169,822 =====		----- 169,822 =====

Perkara-perkara berikut telah dipersetujui:

- (a) Syarikat Duku Langsat Bhd. hendaklah ditubuhkan dengan modal dibenarkan yang terdiri daripada 500,000 saham biasa yang bernilai \$1 setiap satu.
- (b) Pada 31 Mac, 1986, Duku Langsat Bhd. hendaklah mengambil alih kesemua aset dan liabiliti Duku dan Langsat Bhd. pada nilai sepertimana yang dicatatkan di kunci kira-kira, kecuali hak paten yang dinilai pada \$15,000 dan satu akaun peruntukan hutang lapuk yang dikehendaki diadakan sebanyak \$3,530. Muhibbah, jika ada, juga diambil alih.
- (c) Harga beliannya hendaklah ditentukan seperti berikut:
 - (i) Pemegang saham Duku Bhd. hendaklah menerima 8 saham Duku Langsat Bhd. yang bernilai 80 sen setiap satu dibayar 50 sen bagi setiap 5 saham di dalam Duku Bhd.

...10/-

AKP 301

- (ii) Pemegang saham Langsat Bhd. hendaklah menerima 6 saham di dalam Duku Langsat Bhd. yang bernilai 80 sen setiap satu dibayar 50 sen. Pada 31 Mac, 1986, penggabungan telah dijalankan dan harga belian seperti dipersetujui telah diberikan.

Berikutan daripada penggabungan itu, 40,000 saham Duku Langsat Bhd. telah diterbitkan untuk dibeli oleh pihak awam. Cara bayarannya ialah 25 sen semasa permohonan dan 25 sen semasa perumpukan. Pada 15 April, 1986, 40,000 saham telah diperumpukan dan pada 30 April, 1986, kesemua wang permohonan dan perumpukan telah diterima sepenuhnya dan dimasukkan ke dalam bank. Bank oberdraf telah dibayar dengan menggunakan wang ini.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan catatan jurnal untuk menutup buku Duku Bhd.
- (b) Sediakan akaun pembubaran di dalam Langsat Bhd.
- (c) Sediakan kunci kira-kira bagi Duku Langsat Bhd. pada 30 April, 1986, jika diandaikan kesemua urusan telah berlaku.

[25 markah]

oooo000oooo